




Keadaan sekolah yang sangat daif sebelum penambahbaikan dibuat.



Suasana dalam kelas juga lebih ceria selepas dicat pada program baru-baru ini.



EXA UKM beri cahaya kepada kanak-kanak Mabul



Antara ahli persatuan EXA merakamkan kenangan pada program itu.

Persatuan Ekspansi Amal (EXA) yang terdiri daripada 10 pelajar program Master in Business Administration (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengadakan program Mabul Kids Education 2018, baru-baru ini.

Program inisiatif EXA diketuai Sathiya Kumar Tamuvederan selaku presiden dengan kerjasama Persatuan Mabul Education Society itu dijalankan pada 24 hingga 26 Januari lalu di Pulau Mabul, Sabah.

Sathiya Kumar berkata, hasrat utama EXA ini adalah membantu kanak-kanak khususnya di Pulau Mabul yang tidak mempunyai status kerakyatan.

Beliau berkata, berdasarkan kepada laporan dikeluarkan Borneo Post Online, sebanyak 30,000 kanak-kanak masih tidak mempunyai status kerakyatan dan di antaranya adalah penduduk tempatan.

Menurutnya, masalah utama dihadapi kanak-kanak ini adalah tidak mendapat akses kepada pendidikan, penajaan

pendidikan, kesihatan dan kebajikan sosial sewajarnya.

Justeru, EXA memulakan hasrat murni menganjurkan program ini membantu seramai 50 kanak-kanak di pulau berkenaan dapat akses kepada fasiliti lebih baik serta asas pendidikan sewajarnya.

"Antara aktiviti-aktiviti dijalankan ialah melibatkan diri dengan kerja-kerja baik pulih infrastruktur sekolah sedia ada bersama penduduk tempatan seperti pemasangan dan pemuliharaan papan-papan

yang usang, mengecat sekolah.

"Selain itu, EXA juga akan membekal keperluan asas dalam meningkatkan taraf pendidikan di Pulau Mabul iaitu dengan membekalkan projektor, komputer, speaker, mikrofon, sambungan internet, meja, kerusi, generator dan peralatan pembelajaran seperti buku-buku," katanya dalam satu kenyataan media.

Sathiya Kumar berkata, persatuan ini turut menganjurkan hari sukan untuk mendedahkan pelajar-pelajar berkenaan asas pendidikan sukan.

Selain pendidikan berilmiah katanya, pendidikan lain seperti sukan adalah penting.

Menurutnya, program yang dirasmikan Dekan UKM-GSB iaitu Prof Madya Dr Zaher Zain ini turut mendapat tajaan daripada pelbagai pihak antaranya Auto Knights, Staedtler, AE Creative Studio dan juga sumbangan daripada orang ramai.

Penubuhan EXA adalah inisiatif Fakulti Graduate School of Business, UKM (UKM-GSB) yang menggalakkan pelajar pasca-siswazahnya untuk terlibat aktif dalam melaksanakan program CSR dan ia adalah merupakan keperluan untuk dipenuhi bagi Projek MBA Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan MBA.

Selain dilihat sebagai inisiatif baharu, ia juga sangat baik pupuk semangat keprihatinan pelajar berkaitan program CSR

